

Pemuda UMNO diminta bincang isu Palestin

Saya minta Pemuda mengeluarkan pendirian supaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) disusun semula strukturnya agar tidak lagi hanya memihak kepada kuasa besar

KHAIRY JAMALUDDIN
Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO

Oleh HERMAN HAMID

KOTA BHARU 4 Ogos - Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin meminta kesemua bahagian pergerakan itu membincangkan isu kekejaman Israel pada Persidangan Perwakilan masing-masing yang bakal diadakan mulai bulan ini.

Beliau berkata, langkah ini penting bagi menunjukkan betapa Pemuda UMNO memandang serius terhadap keadaan yang berlaku dan seterusnya memberi tekanan kepada masyarakat antarabangsa supaya melakukan sesuatu ke atas Israel.

"Kita mahu Pemuda bukan sahaja menyoal isu serangan Israel ke atas Lebanon dan juga kekejaman berterusan rejim Tel Aviv ke atas Palestin tetapi saya juga mahu mereka turut sama membincangkan tentang ketidakadilan sistem dunia sekarang.

"Saya minta Pemuda mengeluarkan pendirian supaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) disusun semula strukturnya agar tidak lagi hanya memihak kepada kuasa besar terutama berhubung pemilikan kuasa veto," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, di sini hari ini.

Bantuan

Hadir sama ialah Ketua UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, Datuk Dr. Nik Mohd. Zain Omar dan Ketua Pemuda, Dali Husin yang juga Ketua Pemuda UMNO Kelantan.

Mengenai cadangan menyenaraikan nama syarikat di negara ini yang menyalurkan bantuan kewangan dan menyokong Israel, Khairy berkata, perkara itu sedang dalam proses memandangkan ia bukan satu tugas yang mudah.

Katanya, perkara ini memerlukan masa yang agak panjang bagi memastikan syarikat-syarikat yang bakal disenaraikan itu benar-benar terlibat.

"Kita kena tengok banyak aspek, sama ada dia sokong, terlibat, mempunyai hubungan langsung tak langsung dan sebagainya.

"Tidak boleh kata syarikat itu penyokong Israel hanya kerana ada seorang warga Amerika Syarikat yang menjadi pemegang saham di dalamnya. Ini memang perlu dihalusi sebab itu ia memakan sedikit masa," katanya.

Tambah Khairy, apabila proses mengenai pasti syarikat-syarikat yang sah terlibat menyokong Israel selesai, pihak Pemuda UMNO akan mendedahkannya kepada ahli terlebih dahulu sebelum dimaklumkan kepada umum.

Mengenai sebuah laporan laman web yang mengaitkan syarikat di mana beliau menjadi pengarah juga terlibat menyokong Israel berikutan ECM Libra Bhd. mempunyai hubungan dengan salah seorang penyokong kuat rejim Zionis.

Khairy berkata, "Saya ada menyiasat perkara tersebut dan apa yang saya difahamkan orang tersebut hanya memiliki syer kurang daripada satu peratus.

"Persoalannya macam mana prang itu boleh ada saham. Itu kena tanyalah orang yang jual Pantai Holdings kepada Parkways kerana hubungannya di situ," katanya.